

Meningkatkan Pembelajaran Kefahaman Membaca Melalui Aplikasi Nearpod

Sheikha Fadzlon Shaik Yakob

sheikha_fadzlon_shaik_yakob@schools.gov.sg

Siti Nafisa Mohd Daud

siti_nafisa_mohd_daud@schools.gov.sg

Sekolah Rendah East Spring

Abstrak

Murid didapati kurang cekap menjawab soalan kefahaman subjektif dalam ayat yang lengkap. Mereka kurang mengenal pasti kata kunci dan membuat rujukan daripada teks yang dibaca. Pemahaman kosa kata murid juga terhad. Kajian ini memberi tumpuan kepada penggunaan aplikasi *Nearpod* untuk mempertingkatkan kecekapan menjawab soalan kefahaman, merangsang murid mengenal pasti kata kunci dan membuat rujukan semasa menjawab soalan kefahaman. Dapatan kajian secara kuantitatif dan kualitatif menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi *Nearpod* membantu murid dalam mengenal pasti kata kunci, membuat rujukan dan berkongsi perancangan bagi pencarian jawapan bersama rakan sekelas secara langsung. Keberkesanan penggunaan *Nearpod* ini dapat dilihat dengan peningkatan markah dalam peperiksaan SA1 dan SA2.

Kata Kunci: kecekapan menjawab kefahaman, ICT, *Nearpod*

PENGENALAN

Kecekapan menjawab soalan kefahaman merupakan satu komponen yang menguji pemahaman murid dalam ujian dan peperiksaan Bahasa Melayu. Murid harus mempunyai kecekapan dalam mengenal pasti kata kunci dalam soalan dan membuat rujukan pada petikan. Murid menjawab soalan kefahaman tanpa berfikir dan melakukan perancahan. Keterbatasan dalam memahami kehendak soalan menjejaskan pemahaman murid dalam menjawab soalan kefahaman. Murid kurang terangsang dalam melakukan aktiviti menjawab soalan kefahaman. Penekanan pada kata kunci dalam batang soalan ditekankan pada murid sebelum menjawab soalan dan semasa perancahan.

Pendekatan dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran (PdP) kefahaman menggunakan wadah ICT diperkenalkan bagi merangsang pembelajaran kefahaman dan pembinaan ayat lengkap. Penggunaan aplikasi *Nearpod* telah diguna pakai sebagai instrumen kajian. Melalui penggunaan *Nearpod*, murid diharapkan akan lebih terangsang untuk berfikir secara mendalam dan menambah nilai pengetahuan mereka dalam menjawab soalan kefahaman.

PERNYATAAN MASALAH

Semasa penilaian, didapati murid Darjah 4 belum lagi dapat menguasai kemahiran menjawab soalan kefahaman. Murid belum dapat menguasai teknik menjawab soalan kefahaman terutama jenis soalan inferens. Murid tidak dapat mengenal pasti kata kunci dan membuat jalinan dengan petikan. Murid juga tidak menggunakan ayat yang lengkap dalam menjawab soalan kefahaman.

Semasa penelitian praintervensi, murid didapati hanya menulis jawapan mereka tanpa menggunakan ayat yang lengkap. Murid juga tidak melakukan sebarang anotasi dan catatan untuk mengenal pasti idea utama, BKEMAS dan kata kunci. Tanpa anotasi dan mengenal pasti kata kunci, murid tidak dapat memahami kehendak soalan. Jawapan murid juga kerap dalam bentuk ayat tergantung dan tidak lengkap.



Guru telah memperkenalkan wadah ICT *Nearpod* untuk menarik minat murid menguasai kemahiran menjawab kefahaman. Murid belajar secara kolaborasi dan dapat melihat hasil kerja rakan-rakan mereka secara langsung. Guru juga dapat memberikan contohan yang lebih autentik dan jelas. Berdasarkan jawapan-jawapan yang dipamerkan secara langsung dalam aplikasi *Nearpod*, pembelajaran kefahaman dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk:

1. meningkatkan kemahiran murid menjawab soalan kefahaman;
2. mengalakkan murid berkongsi jawapan secara langsung menggunakan aplikasi *Nearpod*; dan
3. menilai keberkesanan aplikasi *Nearpod* dalam merangsang PdP dalam kemahiran menjawab kefahaman.

KAJIAN LEPAS

Penggunaan internet membantu guru dan murid untuk melaksanakan PdP dengan lebih menarik, interaktif dan mudah. Watson & Anderson (2001), menyatakan bahawa murid boleh berhubung dengan guru atau rakan secara serentak (*synchronous*) dan tertangguh (*asynchronous*) melalui ruangan perbualan (*chat*) atau surat elektronik (*email*). Ini bermakna murid mempunyai ruang untuk berkomunikasi dengan guru atau rakan dengan mudah.

Clark (2001) turut menjelaskan bahawa banyak pakar pendidik mengakui setiap satu bahan pengajaran memberi sumbangan yang unik. Badger (2000) mengatakan bahawa kaedah PdP pada masa kini lebih berpusatkan murid kerana PdP yang berpusatkan guru kurang memberikan perkembangan kognitif yang baik kepada murid. PdP yang berpusatkan murid menyediakan suasana pembelajaran yang lebih aktif dan guru banyak bertindak sebagai pemudah cara. Menurut beliau lagi, pembelajaran aktif ini boleh disamakan dengan satu kaedah pembelajaran di dalam kelas secara talian. Dengan



perkembangan teknologi seperti kemudahan internet, suasana pembelajaran aktif ini dapat merangsang PdP.

Menurut Ahuja (2010) pemahaman ialah jantung dari membaca. Membaca tanpa pemahaman sama ertinya dengan tidak membaca. Pendapat lain dikemukakan oleh Hamra (2012) bahawa “*reading for comprehension involves the relationship between meaning and word symbol, the choice of appropriate meaning based on the context, the organization of meaning, and the ability to give arguments and catch ideas*”. Berdasarkan definisi tersebut, dapat difahami bahawa membaca untuk pemahaman melibatkan hubungan antara makna dan simbol kata, pilihan makna yang tepat berdasarkan konteks, organisasi makna dan kemampuan untuk memberikan makna dan idea.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dijalankan berdasarkan penekanan pada pengajaran yang berstruktur, sistematik dan melibatkan murid secara aktif. Pengajaran dijalankan mengikut model *Gradual Release of Responsibility*. Guru akan menunjukkan modeling untuk melakukan aktiviti tersebut, diikuti dengan pelaksanaan tugas sekelas, secara berkumpulan dan kemudian secara sendiri. Kajian ini juga menerapkan kaedah Pengajaran Secara Eksplisit. Kaedah pengajaran secara eksplisit ini melalui lima peringkat, iaitu pengenalan, penerangan, modeling, latihan dan penutup.

Elemen-elemen daripada Amalan Pengajaran Singapura (STP) juga diutamakan. Elemen STP dapat membantu guru menjalankan kajian dan pengajaran dengan lebih terpadu. Dua proses STP yang dipilih ialah ialah penyediaan pelajaran dan pelaksanaan pelajaran.

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 28 orang murid Darjah 4 melebihi aras kebolehan. Pemilihan subjek dilakukan untuk meningkatkan keupayaan murid menjawab soalan kefahaman literal dan inferens.



Instrumen Kajian

Instrumen kajian terdiri daripada aplikasi ICT *Nearpod*, templat BKEMAS, respons murid daripada hasil perkongsian aplikasi *Nearpod* dan templat refleksi '2 Star 1 Wish'.

Aplikasi *Nearpod* dipilih sebagai instrumen kajian kerana aplikasi *Nearpod* dapat membantu murid memberi respons secara langsung dan guru dapat memantau jawapan murid. Murid juga dapat melihat dan mempelajari sesama sendiri berdasarkan jawapan yang dilayarkan pada skrin. Tambahan pula, perancahan, anotasi dan kata kunci yang diserahkan juga dapat dilihat menerusi respons murid pada aplikasi *Nearpod*.

Penggunaan aplikasi *Nearpod* juga menggalakkan pelibatan semua murid secara serentak. Murid mempunyai keyakinan untuk melibatkan diri dalam perbincangan tentang kata kunci dan juga respons mereka. Murid dapat membina pengetahuan secara aktif. Cara ini telah merangsang kecekapan murid menjawab soalan kefahaman melalui penggunaan *Nearpod* yang dijalankan secara kolaboratif, berpasangan dan juga secara sendiri.

Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan sepanjang penggal tiga. Setiap pelajaran dijalankan setiap minggu dan mengambil masa selama tiga waktu.

Menurut Mayer (1989), melalui modeling, murid belajar menyelesaikan masalah dan memperbaiki pencapaian melalui apa yang dipelajari. "*Conceptual models have visual representations of what concepts mean and how they work improve student recall of the concept and performance on problems that ask them to extrapolate from what they have learned.*"

Strategi pengajaran secara eksplisit dijalankan sebagai aktiviti utama pengajaran. Guru akan membimbing murid melalui lima langkah pengajaran eksplisit sebelum murid melakukan aktiviti sendiri.



Guru memulakan pengajaran dengan membaca teks pendek bersama murid. Guru mengajak murid mengenal pasti isi utama bagi setiap perenggan dalam teks. Guru juga membincangkan aspek BKEMAS (Bila, Keadaan, Emosi, Mana, Siapa) yang terdapat dalam teks yang dibaca. Guru menunjukkan cara membuat anotasi dan kemudian melanjutkan pelajaran pada soalan kefahaman. Guru menyerlahkan jenis kata tanya dan kata kunci pada soalan dan menunjukkan bagaimana rujukan kata kunci boleh dilakukan pada teks. Soalan-soalan yang dilakukan oleh murid mengikut tahap kesukaran. Soalan literal dilakukan dahulu dan kemudian diikuti dengan jenis soalan inferens. Respons murid bagi mengenal pasti kata kunci, anotasi pada teks dan juga jawapan dapat dipantau guru dan rakan lain dengan menggunakan aplikasi *Nearpod* dalam aktiviti *Draw It*, *Open Ended* dan *Collaborate*.

Murid dapat memberikan maklum balas tentang kata kunci yang diserlahkan dan juga jawapan mereka. Mereka juga dapat membantu memberikan penjelasan kepada rakan mereka jika ada sebarang kesilapan. Guru sebagai fasilitator akan bertanya kepada murid tentang respons mereka. Guru akan membantu murid untuk memberikan bukti bagi menyokong jawapan mereka.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Setelah melakukan usaha intervensi ini, didapati murid lebih terangsang untuk melakukan aktiviti kefahaman dengan menggunakan teknik yang diajar seperti menyerlahkan kata kunci dan membuat anotasi. Murid juga lebih memahami teks yang dibaca dan ini dapat dilihat melalui jawapan-jawapan dalam soalan kefahaman serta anotasi yang dilakukan. Murid juga lebih mahir membina sintesis ayat yang lengkap dalam menjawab soalan kefahaman.

Dapatan daripada penilaian pertengahan tahun dijadikan sebagai bahan pra-intervensi. Dapatan menunjukkan bahawa ramai murid tidak mampu menjawab soalan kefahaman dan kehilangan markah kerana tidak menjawab dengan menggunakan ayat yang lengkap. Dapatan daripada penilaian akhir tahun pascaintervensi pula menunjukkan terdapatnya peningkatan dalam pemahaman murid menjawab soalan (Rajah 1). Murid juga berupaya menjawab



menggunakan ayat yang lengkap dan lebih terangsang menggunakan teknik menyerlahkan kata kunci dan BKEMAS sebelum menjawab soalan.

Rajah 1: Analisis Data Markah Kefahaman Bagi Praujian Dan Pascaujian



Jadual 1 : Maklum Balas Murid Darjah 4 - Penggunaan *Nearpod* Dalam PdP Kefahaman (Praitervensi)

SN	Item	Sangat setuju	Sederhana	Tidak setuju
1	Saya membaca teks kefahaman lebih dari sekali	13	15	0
3	Saya membuat anotasi dan idea utama	0	17	11
4	Saya mengenal pasti kata kunci	0	12	16
5	Saya membuat rujukan kata kunci pada teks	0	5	23
6	Saya menjawab soalan dalam ayat yang lengkap	17	7	4
7	Saya seronok melakukan tugas kefahaman	0	20	8
8	Saya yakin melakukan tugas kefahaman	0	28	0



Jadual 2 : Maklum Balas Murid Darjah 4 - Penggunaan *Nearpod* dalam PdP Kefahaman (Pascaintervensi)

SN	Item	Sangat setuju	Sederhana	Tidak setuju
1	Saya membaca teks kefahaman lebih daripada sekali	28	0	0
3	Saya membuat anotasi (BKEMAS) dan idea utama	27	1	0
4	Saya mengenal pasti katu kunci	28	0	0
5	Saya membuat rujukan kata kunci pada teks	28	0	0
6	Saya menjawab soalan dalam ayat yang lengkap	28	0	0
7	Saya seronok melakukan tugas kefahaman	25	3	0
8	Saya boleh menggunakan <i>Nearpod</i> dengan yakin	28	0	0
9	<i>Nearpod</i> membantu saya dalam menggunakan strategi menjawab soalan kefahaman	28	0	0
10	Saya yakin melakukan tugas kefahaman	28	0	0

Dalam Jadual 1 dan Jadual 2, murid menyatakan bahawa mereka seronok menjalani pembelajaran menggunakan aplikasi *Nearpod*. Mereka dapat melihat respons rakan secara langsung dan dapat belajar antara satu sama lain.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian yang dijalankan telah mencapai objektif. Murid dapat menggunakan teknik BKEMAS, anotasi, menyerlahkan kata



kunci dan menjawab soalan kefahaman. Instrumen *Nearpod* berkesan dalam menambah nilai pengajaran guru dan merangsang pembelajaran murid .

Penggunaan *Nearpod* yang telah melibatkan murid secara aktif dan menghasilkan perkongsian secara langsung. Guru dan murid juga dapat memberikan maklum balas secara langsung. Murid dapat mengingati informasi dan pengajaran yang diraih. Penggunaan *Nearpod* sebagai satu wadah ICT telah membantu menarik minat dan merangsang murid untuk memberikan fokus semasa PdP. Keberkesanan kajian ini juga telah disokong dengan penggunaan kaedah pengajaran eksplisit, penerapan elemen STP dan portal SLS. Oleh itu, gabungan teori dan penggunaan ICT telah membantu dalam memperbaiki dan menambah nilai proses PdP.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Jumaayah Zainal Abidin
2. Lyana Sarie Dewi Mohamed Yunos

RUJUKAN

Abdullah, Shazila. 2012. Reading for Pleasure as a Means of Improving Reading Comprehension Skills. *Journal of Asian Social Science*. Vol. 8, No.13: Oktober 2012.

Ahuja, Pramila dan G.C.Ahuja. 2010. *Membaca Secara Efektif dan Efisien*. Bandung: Kiblat Buku Utama.

Alessi & Trolip. 2001. *Multimedia for learning*. 3rd ed. USA: Pearson Education.
Asni Maik (2000). kertas kertas 'Pembelajaran Elektronik (E-Learning) Satu Pertukaran Paradigma: Internet Dalam Pengajaran dan Pembelajaran pada Persidangan Kebangsaan Mengenai Pendidikan ICT 2000, Kuala Terengganu.

Dupagne. M. (1992). *Teachers' attitudes towards computers*: *Journal of Research on Computing in Education*.



- Ee Ah Meng (1999). *Pedagogi III*. edisi kedua. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Faharol Razi Shaari, 1998, "Psikologi kognitif dalam pembinaan bahan pengajaran pembelajaran berbantuan komputer", Jurnal IPDA, 5: 38–44
- Fred Percival & Henry Ellington (Penterjemahan : Noran Fauziah Yaacob).1994. *Buku panduan teknologi pendidikan.Ampang* : Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamra, Arifuddin. 2012. A Model of Reading Teaching for University EFL Students: Need Analysis and Model Design. Journal English Language Teaching. Vol. 7, No. 5: Oktober 2012.
- Maher, A. (2017) dalam Study.Com <http://study.com/academy/lesson/what-are-adjectives-definition-examples-quiz.html> pada 28 Januari 2017(1.02 pagi)
- Mayer,R.E. (1989). Models for understanding dalam review of educational research. Spring 1989, Vol. 59, No. 1, pp. 43-64

